

CNS6160

R GB 11-12 00160 BH194

bah

MAHATHIR DIMINTA BALAS BUDI RAKYAT

Mahathir - Mahasiswa

ALOR SETAR, 11 Dis (Bernama) -- Mahasiswa di negara ini perlu menyedari hakikat bahawa kemudahan yang disediakan untuk mereka belajar di universiti datang dari wang rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, mereka harus membalas budi rakyat dengan tekun belajar semasa di universiti, kata beliau pada jamuan malam anjuran mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, di Dewan Datuk Syed Omar di sini malam ini.

Jamuan itu diadakan sempena projek Siswa dan Masyarakat di kompleks Pekan Rabu di sini.

Di bawah projek itu, 45 mahasiswa USM diambil sebagai anak angkat oleh para penjaga Pekan Rabu sejak seminggu lepas.

Yang turut menghadiri jamuan itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff dan isteri, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali dan Naib Canselor USM Datuk Haji Musa Mohamad. -- Lagi

▼11/12/22-58MST

CNS6162

R GB 11-12 00133 BH195

bah

Mahathir - Mahasiswa 2 Alor Setar

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika mahasiswa menyedari hakikat itu, beliau yakin mereka tidak akan terlibat dengan kegiatan yang tidak ada kena mengena dengan pelajaran.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menggalakkan mahasiswa mengadakan lebih banyak program yang berbentuk khidmat masyarakat sebagai membela nasib rakyat.

+Hanya dengan mengadakan program khidmat untuk masyarakat dan tekun belajar, mahasiswa tidak membazirkan wang yang dibelanjakan oleh kerajaan,+ kata Perdana Menteri.

Beliau bersyukur kerana mahasiswa masa kini tidak lagi bersikap seperti mahasiswa tahun 70-an yang suka berdemonstrasi kononnya untuk membetulkan masyarakat dan pemerintah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika mahasiswa berminat untuk membetulkan pemerintah mereka mempunyai banyak masa untuk berbuat demikian selepas keluar daripada universiti dengan menyertai politik. -- Lagi

▼11/12/23-04MST

CNS6164

R GB 11-12 00096 BH196

bah

Mahathir - Mahasiswa 3 (akhir) Alor Setar

Perdana Menteri menegur sesetengah mahasiswa yang menamatkan pengajian tetapi berasa mereka tidak perlu membayar wang yang dipinjam dari kerajaan untuk membiayai pengajian mereka.

+Kadang-kala mereka ini bukan tidak ada wang tapi lambat nak bayar,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan berhasrat melabirkan golongan mahasiswa yang bertanggungjawab yang dapat membantu bangsa untuk berjaya.

Projek Siswa dan Masyarakat itu antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang selok-belok perniagaan dan memahami masalah peniaga Pekan Rabu. -- Bernama

bah

Mabathir - Mahasiswa 4 (akhir) Alor Setar (Samb berita awal)

Datuk Seri Dr Mohamad kesal kerana masih banyak peluang perniagaan yang belum direbut oleh orang Melayu.

Katanya, mereka seharusnya merebut peluang-peluang itu kerana kerajaan sanggup menyediakan pelbagai kemudahan untuk mereka termasuk latihan.

Mengenai Pekan Rabu, Datuk Seri Dr Mabathir, yang pernah berniaga di situ semasa zaman remaja berkata, peniaga Pekan Rabu perlu memperbaiki keadaannya agar setanding dengan pasar raya atau pusat membeli-belah yang terkemuka di Kuala Lumpur.

Terdahulu, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff berkata, kerajaan negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi memperbaiki Pekan Rabu supaya lebih maju dan menarik.

Beliau berkata, yang sedang di kaji antaranya ialah projek mengindahkan Pekan Rabu dengan seni taman dan mengubahsuai keadaan gerai agar lebih cantik. Projek itu di jangka menelan belanja hampir \$2 juta. -- Bernama

♥11/12/23-44MST